



Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/01/25/0058 (18)
Tarikh : 18 April 2025

APEX Communications Sdn. Bhd.
Tingkat 12 - Menara Hap Seng,
Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.
(u.p : Encik Mohd Hafeez Bin Mohd Thani)

Tuan,

PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABC9003 - SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) LAWAN KUDA BARU
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Daerah Kampar dengan ulasan yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM34,723.08 seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-03-0058/25) kepada Koridor Utiliti Darul Ridzuan Sdn Bhd.
ii.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 5,890.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Daerah Kampar.
iii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 2,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama Wang Deposit Majlis Daerah Kampar .
iv.	Salinan permit korekan yang dikeluarkan hendaklah sentiasa berada di tapak pengorekan dan sebarang pertukaran jajaran hendaklah dimaklumkan pada pihak Majlis Daerah Kampar.
v.	Semua kerja-kerja permotongan jalan hendaklah menggunakan <i>diamond cutter</i> sebelum mengorek jalan.
vi.	Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja-kerja yang dilaksanakan seperti bebendul, pondok bas, longkang, <i>scupper drains</i> , bahu jalan dan lain-lain perlu dibaiki atau diganti semula.
vii.	Pihak utiliti perlu bertanggungjawab ke atas apa jua kos yang terlibat bagi sebarang kerja-kerja pengalihan kelak. Jika melibatkan jalan yang baru diturap, pemohon perlu menurap semula keseluruhan jalan dengan sempurna.





Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/01/25/0058 (16)
Tarikh : 18 April 2025

PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABC9003 - SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) LAWAN KUDA BARU

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

Bil.	Perkara
vii.	Turapan semula permukaan jalan yang dikorek dalam tempoh 24 jam, sisa korekan perlu dibuang dari kawasan korekan dan diganti dengan yang baru (ketebalan crusher run 150mm dan turapan ACW14 50mm selepas dipadatkan). Sila maklumkan kepada pihak Majlis selewat-lewatnya dua hari sebelum kerja ini dilaksanakan bagi tujuan pemantauan bahagian teknikal pihak Majlis. Penggunaan bahan hendaklah daripada butiran yang diluluskan.
viii.	Mengadakan papan tanda sementara bagi tunjuk arah, dinding sesendeng, pengawal lalu lintas, lampu-lampu kecemasan, lampu malam dan lain-lain yang difikirkan perlu bagi mengelakkan kemalangan.
ix.	Korekan bahu jalan hendaklah diaraskan sama dengan aras jalan dan ditanam semula rumput rapat-rapat (closed turfing).
x.	Tidak dibenarkan menebang atau merosakkan akar pokok-pokok tanaman pada bahu jalan.

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans “**Contractor’s All Risk**” yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / “**Defected Liability Period**” (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (insured), Yang DiPertua Majlis Daerah Kampar serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Daerah Kampar seperti di lampiran.





Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/01/25/0058 (18)
Tarikh : 18 April 2025

PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABC9003 - SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) LAWAN KUDA BARU

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU BESERTA SYARAT

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Nur Izzati Syazwani Binti Abdul Halim** di talian **010-3773697** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)

Pengurus Koridor Negeri

Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/16042025/Musa/Izzati

Salinan kepada:

- 1. YANG DIPERTUA,**
Majlis Daerah Kampar,
Kompleks Pentadbiran MD Kampar,
Jalan Iskandar
31900 Kampar,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Jabatan Kejuruteraan)

